

FPEP Anjur Program Amal Dekati Golongan OKU Penglihatan

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 03 Mei 2019 15:34 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 403

[Kongsi 109](#)
[Syorkan 109](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**JUMAAT,
3 MEI -**
Program
'Luncheon in
the Dark'
anjuran
pelajar kursus
Operasi
Acara Khas
(BE31703)
Fakulti
Perniagaan,
Ekonomi dan
Perakaunan
(FPEP)
Universiti
Malaysia
Sabah (UMS)
berjaya
mengumpul
sebahagian
dana untuk
diserahkan
kepada
Persatuan
Orang Buta
Sabah.

Acara amal tersebut memberi kelainan kepada tetamu dengan pengalaman menikmati makanan dalam keadaan gelap serta mata ditutup dengan kain bertujuan mewujudkan sikap lebih prihatin kepada golongan kelainan upaya (OKU) penglihatan.

Menurut Dekan FPEP Profesor Madya Dr. Raman Noordin, penganjuran program tersebut bertujuan memberi kesedaran mengenai tanggungjawab sosial masyarakat terhadap golongan OKU.

"Saya berharap agar program ini menyokong matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia yang menginginkan para pelajar untuk mengaktifkan diri dengan aktiviti-aktiviti luar yang bersesuaian dan mengasah kemahiran insaniah melalui penganjuran seperti ini," ujarnya ketika merasmikan program tersebut.

Terdahulu, Pengarah Program Syahiran Sulaiman berkata program tersebut telah berjaya menyuntik semangat kerjasama dalam kalangan ahli jawatankuasa dalam menjayakan program yang dirancang.

"Program ini juga dilihat dapat menjadi platform untuk siswa-siswi UMS dan orang awam untuk bersama-sama berkumpul dan menjalankan silaturahim," katanya.

Seramai 120 peserta yang terdiri daripada kakitangan UMS, siswa-siswi, syarikat-syarikat penaja serta orang awam menyertai program amal tersebut.

Turut hadir, Presiden Pertubuhan Persatuan Orang Buta Sabah, Datuk Rosalind Chew.